



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### KENYATAAN PELAWAAN SEBUT HARGA

**NO. SEBUTHARGA : JHEAIPP/E-P/P/PENT/SBH/07/2020**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **221001** dan **221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

#### **PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG BAGI TEMPOH 2 TAHUN MULAI 1 OGOS 2020 HINGGA 31 JULAI 2022**

1. Dokumen sebut harga boleh diperolehi secara atas talian di [www.ep.penang.gov.my](http://www.ep.penang.gov.my) (pembekal yang berdaftar dan boleh membuat capaian penggunaan Sistem ePerolehan sahaja) mulai **30 Jun 2020 (Selasa)**.
2. Sebut harga ini ditutup pada **8 Julai 2020 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**.
3. Syarikat-syarikat yang ingin turut serta dalam sebut harga ini adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak, walau bagaimanapun syarikat adalah digalakkan untuk membuat lawatan tapak secara individu dengan memaklumkan kepada pihak pentadbiran masjid semasa mengadakan lawatan tapak.
4. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan secara **MANUAL** dengan memasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan hendaklah mencatatkan no. sebut harga di penjuru atas kiri sampul surat. Sebut harga yang lewat tidak akan diterima. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 8 Julai 2020 (Rabu)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :  

Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Pulau Pinang,  
Lebuh Pantai,  
10300 Pulau Pinang.
5. Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Dokumen tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi, beserta dokumen wajib hendaklah dimasukkan. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab atas keputusan tersebut.

## 7. SKOP RINGKAS SEBUT HARGA

7.1 Skop perkhidmatan ini adalah merangkumi kerja-kerja perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan masjid dan kawasan di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Skop kerja terbahagi kepada 2 (dua) kawasan iaitu **di dalam bangunan masjid dan di luar bangunan masjid** seperti berikut:

**a) Di dalam bangunan masjid:**

- i. Seluruh kawasan foyer, ruang solat, ruang legar masjid
- ii. Bilik Imam/Bilal dan Ruang Pejabat
- iii. Dewan Seminar dan Dewan Utama/Besar
- iv. Bilik Mesyuarat
- v. Bilik Pengurusan Jenazah
- vi. Tempat Wuduk dan Tandas

**b) Di luar bangunan masjid:**

- i. Kaki lima dan longkang bangunan masjid
- ii. Keseluruhan kawasan di dalam pagar masjid

7.2 **Jumlah Pekerja** : 4 orang pekerja

7.3 **Waktu Bekerja** : 7.30 pagi hingga 9.30 malam  
SETIAP HARI TERMASUK HARI CUTI AM DAN  
CUTI UMUM

7.4 **Tempoh Bekerja** : 2 Syif  
(7.30pagi – 3.30 petang)  
(12.30 tengah hari – 9.30 malam)

7.5 **Jumlah Masa Bekerja:** 9 jam bagi setiap syif termasuk 1 jam waktu rehat.

8. Maklumat terperinci mengenai Sebut Harga Penyelenggaraan Kebersihan Dan Pencucian Bangunan Dan Kawasan Di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang adalah seperti di dalam **Dokumen Sebut Harga** yang boleh didapati melalui Sistem e-Perolehan Negeri di alamat url <http://ep.penang.gov.my>

**Pengarah**

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang**